



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

3,950 TAWARAN PELANTIKAN TETAP DIBERIKAN KEPADA PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI TAHUN 2024

PUTRAJAYA, 9 November 2024 - Seramai 3,200 Pegawai Perubatan, 350 Pegawai Pergigian dan 400 Pegawai Farmasi yang memohon lantikan kontrak (interim) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada 21 Oktober 2024.

Sekiranya terdapat calon yang berhasrat untuk membuat rayuan pertukaran penempatan, rayuan hendaklah dibuat menerusi Google Form yang disediakan dalam sistem e-Placement dari 5 hingga 11 November 2024 untuk Pegawai Perubatan, dan dari 5 hingga 15 November 2024 untuk Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi.

Hanya rayuan yang dikemukakan menerusi Google Form dalam tempoh yang ditetapkan sahaja akan dibawa untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Rayuan Penempatan. Keputusan rayuan akan dimaklumkan kepada calon menerusi portal Semakan Kerjaya KKM pada 2 Disember 2024.

Antara aspek rayuan yang akan dipertimbangkan adalah calon yang sedang mengikuti pengajian kepakaran yang diluluskan oleh KKM; calon, pasangan atau anak menghidap masalah kesihatan yang serius (disokong laporan perubatan); dan permohonan suka sama suka yang dikemukakan oleh mana-mana calon.

Urusan penempatan calon ke fasiliti akan dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri mulai 23 Disember 2024. Tarikh pelantikan tetap calon adalah mengikut tarikh kuat kuasa melapor diri bertugas iaitu 30 Disember 2024 atau tarikh baharu yang diluluskan oleh Ketua Jabatan sekiranya memohon penangguhan lapor diri bertugas.

KKM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua calon yang telah berjaya dilantik secara tetap. Semoga dengan pelantikan tetap ini, semua calon akan terus komited dan memberikan perkhidmatan lebih cemerlang demi kesejahteraan masyarakat Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

9 NOVEMBER 2024